

Adakah Isa Mati Disalib?

Sejarah yang Menggambarkan Penghujung Kehidupannya Di Dunia

dalam Kesusasteraan Tafsīr Sunnī

Joseph L. Cumming

Universiti Yale

Mei 2001

joseph.cumming@yale.edu

Adakah Isa mati disalib dan kemudiannya bangkit daripada kematian? Soalan ini mempunyai kuasa yang menakjubkan untuk menjana perbincangan hebat di antara orang Islam dan Kristian. Seperti yang pernah dinyatakan oleh seorang penulis kontemporari, “*Hādhāl al-mawdū yuthīru jadaliyyat al-Islām ka-mā lam yuthirhā ayyu mawdū ‘ākhar.*”¹ Malah, apabila orang Islam dan Kristian membincangkan perkara berkaitan keagamaan, topik perbualan sering menghala ke arah soalan ini. Mungkin perkara ini tidak lagi mengejutkan dari segi sejarah di mana Perang Salib mengeksploitasi salib sebagai simbol keagamaan dan mengubahnya daripada isyarat yang menyeru orang Kristian agar menyerahkan nyawa demi kepentingan orang lain atas dasar kasih sayang² kepada isyarat kesediaan orang Kristian untuk membunuh orang lain bagi kepentingan sendiri.

Perbincangan mengenai penyaliban Isa secara umumnya membawa kepada salah satu daripada dua kesimpulan:

- 1) usaha kedua-dua belah pihak untuk mempengaruhi satu sama lain bahawa “kami betul dan kamu salah,” atau
- 2) keputusan yang sopan bagi “setuju untuk tidak bersetuju.” Dalam kedua-dua perkara, dianggap bahawa tiada dasar umum ditemui terhadap soalan ini. Kertas kerja ini bertujuan untuk mempersoalkan tanggapan tersebut. Secara khususnya, kertas kerja ini akan melakukan pemeriksaan simpatetik ke atas tradisi Islam untuk melihat apakah sejarah jawapan yang mungkin kepada soalan ini dalam masyarakat Islam. Kami akan melakukannya dengan memeriksa ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan perbincangan ini dan sejarah pentafsiran utama ahli Sunnī bagi ayat-ayat ini. Sebuah projek yang berasingan (mungkin perlu dijalankan oleh ahli falsafah Islam?) ialah untuk memeriksa tradisi Kristian dalam cara simpatetik yang sama, kemudian mempertimbangkan apakah dasar umum yang diperoleh daripada kedua-dua kajian.

Dalam dunia umat Islam pada hari ini, pandangan paling terkemuka mengenai persoalan ini ialah Allah (s.w.t) menyebabkan orang lain (seorang pengganti) muncul sebagai Isa dan pengganti tersebut telah disalib menggantikan Isa, sementara Allah (s.w.t) mengangkat Isa ke syurga dalam keadaan masih hidup.

Paling tidak terkemuka, namun tersebar secara meluas, adalah pandangan bahawa Isa telah dipaku pada salib, tetapi dia telah pangsang pada salib tersebut dan tersedar di dalam kubur. Pandangan ini, telah dipopularkan melalui hasil tulisan polemik Ahmad Deedat yang sering ditemui di Asia Selatan pada hari ini. Kenneth Cragg dalam notanya:

¹ Iskandar Jadīd, *Al-Salīb fī al-Injīl wa-l-Qur’ān* (Beirut: Markaz al-Shabība, n.d), h.5.

² Cf. 1 John 3:16 or Philippians 2:4-8, contohnya.

Pergerakan Ahmadiyah dan Qadiānī di Asia Selatan memegang pandangan berikut: “Isa telah [dipaku pada salib] dan kemudian diturunkan, masih hidup dan dibaringkan dalam kubur. Mereka tidak berjaya membunuhnya melalui penyaliban. Dia bangkit semula di dalam kubur, melarikan diri dan menuju ke timur serta mati pada usia lanjut di Kashmir, berdekatan Srinagar di mana kuburnya dapat ditemui di sana.”³

Kedua-dua pandangan ini (penggantian dan tidak sedarkan diri) mempunyai sokongan sejarah dalam tradisi takwil Islam, serta sebilangan pandangan lain.

Pandangan Islam mengenai soalan ini telah berpusat kepada sejarah takwil bagi ayat-ayat tertentu di dalam Al-Quran. Namun ulasan tertentu mengenai subjek ini boleh ditemui dalam genre lain, seperti *Rasā'il bagi Ikhwān al- Safā'*,⁴ perbincangan Islam paling berpengaruh mengenai soalan ini yang ditemui dalam kesusasteraan tafsīr. Percubaan untuk melakukan analisis ensiklopedia bagi semua ulasan Islam mengenai subjek ini adalah menjangkau skop kertas kerja ini.

Berikutnya, kita akan menumpukan kepada pandangan utama tradisi Sunnī yang paling berpengaruh. Secara khususnya, kita akan memeriksa pandangan al-Tabari, Fakhr al-Dīn al-Rāzī, al-Qurtubī, al-Baydāwī dan Sayyid Qutb.

Pandangan ini mewakili persoalan kematian Isa dalam konteks pentafsiran empat ayat Al-Quran yang khusus. Saya telah menyenaraikan ayat-ayat ini dalam bentuk terjemahan beserta kaveat: “Kerana mana-mana terjemahan boleh menghukum hasil [proses pentafsiran], ayat yang dinyatakan di sini hendaklah dibaca sebagai tentatif dan tertakluk kepada pembetulan berdasarkan tradisi ulasan yang penuh.”⁵

Āl 'Imrān (3):55: [Allah (s.w.t) berkata]: “Oh Isa, Aku menyebabkan kau untuk ‘mati’ [mutawaffika] dan mengangkat kamu kepada aku dan menyucikan kamu daripada mereka yang tidak percaya dan mengangkat darjat orang yang mempercayai kamu melebihi mereka yang tidak percaya sehingga tiba Hari Kebangkitan.

Al-Nisā (4): 157: [Orang Yahudi] berkata: “Kami membunuh Isa Al-Masih anak kepada Maryam, seorang utusan Allah (s.w.t).” Dan mereka tidak membunuhnya dan mereka tidak menyalibnya, tetapi ditunjukkan sebegitu kepada mereka [*shubbiha lahum*]. Dan mereka yang berselisih pendapat berasa ragu mengenainya: mereka tidak memiliki pengetahuan mengenainya, tetapi hanya mengikut tanggapan. Sudah pasti mereka tidak membunuhnya.

³ Kenneth Cragg, *The Call of the Minaret*, edisi kedua, disemak dan dibesarkan (Ibadan: Daystar Press, 1985), h. 224

⁴ Neal Robinson, *Christ in Islam and Christianity* (Albany: State University of New York Press, 1991), pp. 56-57 merumuskan pandangan *Ikhwān al-Safā'* oleh itu: kemanusiaan “Isa” (*nāsūt*) telah disalibkan dan tangannya telah dipakukan pada salib. Dia dibiarkan sepanjang hari, diberi minum cuka dan ditikam dengan tombak. Dia diturunkan daripada salib, dibalut dengan kain kafan dan dibaringkan dalam kubur. Tiga hari kemudian dia muncul di hadapan pengikutnya dan mereka mengecamnya. Apabila berita tersebar bahawa dia tidak terbunuh, orang Yahudi membuka kubur dan tidak menemui mayatnya (*nāsūt*). Walaupun Brethren of Purity menolak dakwaan orang Kristian berkaitan dengan Ketuhanan Al-Masih, namun mereka telah merumuskan untuk mempercayai kebenaran penyaliban.”

⁵ Jane Dammen McAuliffe, *Qur'ānic Christians: An Analysis of Classical and Modern Exegesis* (Cambridge: Cambridge University Press, 1991), h. 6.

Al-Māida (5):117: [Isa berkata kepada Allah (s.w.t)]: “Aku adalah saksi kepada mereka selagi aku di kalangan mereka dan apabila engkau ‘mematikan’ aku [*tawaffaytanī*], engkau merupakan Pengerah mereka dan engkau Menyaksikan segalanya.”

Maryam (19):33: [Isa berkata]: “Salam sejahtera ke atas aku, pada hari aku dilahirkan, pada hari aku mati [*amūtu*], dan pada hari aku dibangkitkan [*ub’athu*] dan hidup.”

Kebanyakan perbincangan penafsiran menumpukan kepada terjemahan yang tepat bagi kata kerja *tawaffā*, yang telah saya terjemahkan kepada perkataan yang paling wajar⁶ (“mati”) sementara meletakkan terjemahan dalam tanda petikan untuk menunjukkan bahawa perkataan boleh difahami dalam cara lain. Untuk *tawaffā*, Rudi Paret membuat cadangan menarik bagi “abberufen”,⁷ yang malangnya sukar diterjemah secara natural ke dalam bahasa Inggeris, namun ia mempunyai konotasi yang samar iaitu “dipanggil pergi.”

Dalam rujukan kepada tradisi ulasan mengenai ayat-ayat ini, Roger Arnaldez menyatakan pendapat berikut:

On voit que les commentaires sont loin de concorder. En particulier, la question se pose de savoir quand il faut situer la mort de Jésus. S’agit-il d’une mort au terme d’une vie humaine normale, ou d’une mort qui n’aura lieu que vers la fin des temps, quand viendra l’Heure dernière? Est-ce une mort véritable, ou une sorte de dormition? Et si c’est une mort véritable, coïncide-t-elle avec l’élévation au ciel, ou y a-t-il un intervalle entre les deux? Tous ces points ont été soutenus.⁸

Berikutnya kita akan melihat sama tradisi ulasan itu pelbagai seperti yang dicadangkan oleh Arnaldez. Jika ya, saya akan berhujah bahawa kepelbagaian pentafsiran yang luas tersebut tidak boleh dilihat sebagai tanda kurangnya kerukunan, tetapi sebagai sebuah warisan pentafsiran yang kaya.

Al-Tabarī

Ulasan pertama yang akan kita pertimbangkan ialah daripada Abū Ja’far Muhammad ibn Jarīr Al-Tabarī (meninggal 310/923). Ini bukanlah ulasan terawal mengenai Al-Quran, tetapi merupakan antara ulasan terawal yang masih mempunyai pengaruh mendalam terhadap orang Islam pada hari ini. Ia dianggap secara meluas sebagai “*afdal al-tafsīr al-ma’thūra al-jāmi ‘a li-aqwāl al-salaf fī al-tafsīr*”⁹ — contoh terbaik bagi ulasan yang mengumpulkan tradisi dan hadis yang berkaitan dengan setiap ayat, dengan itu dapat menyediakan sebuah tingkap kepada bagaimana Nabi dan para Sahabat serta para Pengikut mentafsir teks tersebut. Walaupun kebanyakan isnād tidak sempurna atau tidak lengkap (dan al-Tabarī sedar mengenai hal ini),

⁶ Robinson, op. cit., h. 118.

⁷ Rudi Paret, *Der Koran: Übersetzung* (Stuttgart: W. Kohlhammer Verlag, 1979 : 7. Auflage – 1996), h. 47.

⁸ Arnaldez, Roger, *Jésus: Fils de Marie, prophète de l’Islam* (Paris : Desclée, 1980), h. 190-191.

⁹ Salāh Abd al-Fattāh al-Khālīdī, Introduction to Abū Ja’far Muhammad ibn Jarīr Al-Tabarī, *Tafsīr al-Tabarī. Jāmi ‘al-Bayān ‘an Ta’wil Ay al-Qur’ān* (Damascus: Dār al-Qalam, 1997), jilid 1, h. 6

tradisi yang dilaporkan oleh al-Tabarī menyediakan petunjuk paling sedikit terhadap keluasan kekayaan dan kepelbagaian pentafsiran Islam pada kurun ke-3H.

Walaupun pengumpulan tradisi pentafsiran awal membentuk asas bagi hasil kerja al-Tabarī, para ilmun yang telah mengkaji ulasan beliau segera menambah bahawa sesiapa saja tidak boleh menyamakan beliau sebagai *hanya* mengumpul perkataan yang diriwayatkan daripada masyarakat Islam awal dan tidak lebih dari itu. Penyunting terkini bagi ulasan beliau menulis:

*Zalama ba 'duhum hādihā al-tafsīr kathīran 'indamāja 'alūhu tafsīran bi-l-ma 'thūr faqat wa- sannaḥūhu fīmadrasat al-tafsīr al-atharī. Huwa tafsīr bi-l-ma 'thūr wa-ziyāda wa-huwa yuṣannaḥū dimna madras at al-tafsīr al-atharī al-nazarī –l-latītajma 'u bayna irād al-aqwāl al-ma 'thūra wa-sbayna al-nazarāt wa-l-ijtihād wa-l-istinbātāt, wa-l-latī abda 'a al-Tabarī fihā ayyamā ibdā.'*¹⁰

Apabila berurusan dengan ayat yang terbuka kepada beberapa pentafsiran, al-Tabarī sering mengamalkan untuk menyenaraikan, mengikut susunan, setiap pilihan yang diwakili dalam tradisi yang diketahuinya. Kemudian, setelah menyenaraikan semua pilihan yang sah ini, beliau kerap menyatakan ayat yang mana beliau anggap sebagai “*rājih*” – paling cenderung, atau mempunyai bukti mendalam baginya.

Dalam perbincangannya mengenai makna *mutawaffī* dalam Āl ‘Imrān (3):55 kita melihat contoh dalam jenis perbincangan ini. Al-Tabarī menyatakan:

Pentafsir [*ahl al-ta'wil*] telah membezakan makna “kematian” [*wafāt*] bagi Isa di sini:

- 1) Beberapa daripada mereka telah berkata: “Kematian” [*wafāt*] adalah makna bagi tidur.” Makna baginya ialah “Aku menidurkan kamu dan membangkitkan kamu dengan sendiri kepada aku dalam tidur kamu.” [Al-Tabarī terus mengaitkan tradisi yang menyokong tafsiran ini.]
- 2) Yang lain mengatakan, “Kematian” [*wafāt*] di sini membawa makna merampas [*qabd*]. Maknanya: “Aku merampas kamu daripada bumi dan mengangkat kamu sendiri.” Orang ramai biasanya mengatakan: “Saya berhak mengambil [*tawaffaytu*] daripada-siapa-dan-siapa wang yang dihutangnya daripada saya.” Bererti, Saya terima sepenuhnya [*istawfaytuhu*] dan saya merampasnya [*qabdtuhu*]. Jadi makna yang diperkatakan-Nya “Aku ‘mematikan’ kamu dan mengangkat kamu kepada Aku adalah: Aku merampas kamu daripada bumi hidup-hidup untuk berada dekat dengan aku dan mengambil kamu untuk bersama aku tanpa kematian dan mengangkat kamu daripada golongan yang tidak percaya. Ibn Zayd berkata: “Aku ‘mematikan’ kamu bermaksud “merampas” kamu semasa Isa belum lagi mati, supaya dia boleh membunuh Dajjāl, kemudian barulah dia mati. Dia membaca ayat Allah (s.w.t) “Dia akan berbicara dengan orang di dalam buaian dan sebagai seorang lelaki yang matang [*kahlan*]”, bermakna Allah (s.w.t) mengangkatnya sebelum dia boleh berbicara dengan orang ramai sebagai orang yang matang dan dia akan kembali ke bumi sebagai lelaki yang matang. [Al-Tabarī terus mengaitkan tradisi lain yang menyokong pentafsiran *wafat* sebagai *qabd*.]

¹⁰ Ibid., pp. 10-11.

3) Yang lain mengatakan, “Kematian” [*wafāt*] bermakna kematian sebenar, kematian harfiah [*wafāt mawt haqiqiyya*], iaitu, “Aku mematikan kamu secara harfiah [*mumituka*].” [Al-Tabari terus mengaitkan tradisi yang menyokong pentafsiran ini.]

4) Yang lain telah mengatakan bahawa ayat ini mengandungi aturan tanpa kronologi [*taqdim wa-ta'khir*]. Implikasinya adalah: Aku mengangkat kamu sendiri dan membersihkan kamu daripada mereka yang tidak percaya dan aku akan mematikan kamu selepas aku menghantar semula kamu ke bumi pada hujung zaman. [Al-Tabari mengaitkan tradisi yang menyokong pentafsiran ini.]

Dan [*rājih*] terbaik yang disokong adalah pernyataan kedua: “Aku merampas kamu [*qābiduka*] dari bumi dan ‘mematikan’ kamu [*mutawaffika*].” Ini merupakan [*rājih*] terbaik yang disokong disebabkan aliran berterusan [*tawātur*] bagi laporan daripada Pengutus Allah (s.w.t) (semoga Allah (s.w.t) merahmati dan menyelamatkannya) mengenai kepulangan Isa ke bumi (sejahtera ke atasnya) di akhir zaman.¹¹

Oleh itu, al-Tabari menyenaraikan empat teori pentafsiran yang beliau temui dalam tradisi pentafsiran Islam sebelumnya: 1) tidur, 2) *wafat* = *qabd*, 3) kematian harfiah dan 4) aturan tanpa kronologi. Jelas bahawa beliau mempertimbangkan teori kedua mempunyai sokongan terbaik dalam tradisi yang diketahuinya. Tetapi jelas sekali beliau mengiktiraf kesemua empat teori sebagai sokongan sah dalam tradisi pentafsiran Islam bagi teks ini. Teori “tidur” boleh menjadi dasar pandangan hari ini yang dinyatakan pada h.2 di atas, di mana Isa tidak sedarkan diri pada salib dan sedar semula di dalam kubur.

Dalam perbincangan beliau mengenai al-Nisa’ (4):157 al-Tabari memperkenalkan teori penggantian (yang juga dinyatakan pada h.2 di atas). Dalam perbincangan ringkas beliau mengenai Al-Imran (3):54, sebelum perbincangan mengenai Al-Imran (3):55 yang dipetik di atas, beliau membuat kiasan ringkas kepada teori penggantian, tetapi dalam rujukan kepada perkataan “*shubbiha lahum*” dalam al-Nisa’ (4):157, beliau menjelaskan teori ini secara terperinci.

Sekali lagi beliau tahu mengenai tradisi yang menyokong beberapa teori untuk pentafsiran ayat ini. Beliau menulis:

Bagaimanakah Allah (s.w.t) membuat Isa muncul di hadapan mereka? Pentafsir berbeza pendapat mengenai cara kemunculan, sebagaimana kepada orang Yahudi apabila berkaitan dengan Isa (sejahtera ke atasnya).¹²

¹¹ Abu Ja’far Muhammad ibn Jarir Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari: Jami ‘ al-Bayan ‘an Ta’ wil Ay –al-Quran*, Salah ‘Abd al-Fattah al-Khalidi (ed.) (Damascus: Dar al-Qalam, 1997), loc. cit.

¹² Ibid., loc. cit.

Mengikuti sistem yang sama sebelum ini, al-Tabari kemudiannya menyenaraikan beberapa teori mengenai bagaimana perkara “dimunculkan” ini berlaku. Beliau sedar mengenai tradisi yang menyatakan bahawa Allah (s.w.t) yang memunculkan Isa kepada pengikutnya [*hawariyyun*], supaya orang Yahudi tidak dapat membezakan yang manakah Isa. Al-Tabari juga menyedari tradisi yang menyatakan bahawa Isa meminta seorang sukarela dari kalangan pengikutnya untuk menerima rupa penampilan Isa dan disalib bagi menggantikan tempatnya.

Seperti sebelum ini, al-Tabari seterusnya menyatakan yang mana daripada teori ini beliau anggap paling munasabah [*rajih*]. Beliau cenderung kepada teori di mana semua pengikut dijadikan agar menyerupai Isa. Alasannya kerana jika hanya seorang pengikut menyerupai Isa, orang Yahudi mungkin terkeliru, tetapi para pengikut itu sendiri tidak terkeliru dan orang Kristian selepas mereka tidak terkeliru.

Dalam perbincangan beliau mengenai al-Maida (5):117 al-Tabari mengesahkan pandangannya (yang dinyatakan di atas) sebagai pentafsiran paling munasabah bagi *tawaffa* adalah sama maknanya dengan *qabada*. Beliau melihat teori penggantian sebagai berada di bawah rubrik teori “*wafat=qabd*.” Dalam perbincangan ringkas beliau mengenai Maryam (19):33 beliau mengulang semula bahasa Al-Quran mengenai kematian dan kebangkitan Isa, tetapi beliau tidak menanyakan soalan sama ada hal ini mempunyai implikasi bagi apa yang berlaku pada salib.

Fakh al-Din Al-Razi

Jika al-Tabari dilihat sebagai kemuncak bagi *tafsir bi-l-ma 'thur*, ulasan Fakhr al-Din al-Razi (meninggal 606/1210)¹³ dilihat secara meluas sebagai kemuncak bagi *tafsir bi-l-ra'y*. Al-Razi telah menyemak pelbagai pentafsiran yang dilakukan oleh orang terawal daripada beliau dan dia telah memetik tradisi yang diturunkan daripada Nabi dan Para Sahabat dan Pengikutnya. Tetapi tidak seperti al-Tabari, beliau tidak sentiasa merasakan perlu untuk mengulang isnad yang menyokong tradisi ini. Setelah beliau menyemak pilihan yang ada, “pemikiran beliau yang bijak, analitikal serta sering mempersoalkan”¹⁴ terus menilai kepentingan teologinya. Tambahan kepada pengetahuan meluas beliau mengenai sains hadith dan tafsir, al-Razi merupakan ahli teologi yang bijak [*mutakallim*] dengan kepakaran meluas dalam falsafah dan komitmen yang kukuh untuk mempertahankan ortodoks Ash'arite terhadap Mu'tazilisme dan bidang lain.

¹³ McAuliffe, h. 66n. 151 menegaskan bahawa 1209 tidak tepat.

¹⁴ Mahmoud Ayoub, “Towards an Islamic Christology, II: The Death of Jesus, Reality or Delusion (A Study of the Death of Jesus in Tafsir Literature), in *The Muslim World*, jld. LXX, No. 2 (Hartford: The Hartford Seminary Foundation, April, 1980), h. 92.

Al-Razi menyatukan kesemua golongan terpelajar ini dalam perbincangan beliau mengenai kematian Isa. Jane Dammen McAuliffe menyatakan analisis beliau mengenai makna yang mungkin bagi *mutawaffika* ialah “prestasi beliau sungguh merupakan pentafsiran *tour de force*.”¹⁵

Beliau mula membahagikan kaedah pentafsiran ayat “Aku ‘mematikan’ kamu [*mutawaffika*] (Al-Imran (3):55) kepada yang tidak memerlukan kedudukan berturutan [*taqdim wa-ta’khir*] bagi “mati” dan “bangkit” dan yang mana *memerlukannya*. Jelas bahawa beliau lebih cenderung dengan yang sebelumnya (beliau menggelarnya “rasa ke luar, bukti [*zahir*]”), dan beliau menyatakan perkara ini dahulu. Beliau menyenaraikan lapan cara berlainan bagi ayat boleh difahami, dengan jelas menunjukkan beliau mempertimbangkan kesemua lapan perkara untuk disahihkan:

1) Makna percakapan beliau “Aku ‘mematikan’ kamu [*mutawaffika*], iaitu membawa jangka hayat kamu ke penghujung [*mutammim ‘umrika*] dan aku akan ‘mematikan’ kamu [*atawaffaka*]. Aku tidak akan membiarkan mereka membunuh kamu, tetapi aku akan naik ke syurgaku dan bawa kamu dekat dengan malaikatku, dan aku akan mengangkat kamu daripada keupayaan mereka untuk membunuh kamu. Ini merupakan pentafsiran yang baik.

2) “Aku mematikan kamu” [*mutawaffika*] iaitu, menyebabkan kematian harfiah kamu [*mumituka*]. Dan ini merupakan tradisi yang diceritakan pada kuasa [*marwi’an*] Ibn Abbas dan Muhammad ibn Ishaq. Mereka berkata: tujuannya supaya musuh Yahudinya tidak dapat membunuhnya, kemudian dia menghormatinya dengan mengangkatnya ke syurga. Terdapat tiga pandangan berbeza yang difahami mengenai ini: Pertama: Wahb berkata, “Dia mati [*tuwuffiya*] selama tiga jam, kemudian dibangkitkan [*rufi’a*].” Kedua: Muhammad ibn Ishaq berkata, “Dia mati [*tuwuffiya*] selama tujuh jam, kemudian Allah (s.w.t) mengembalikan semula nyawanya [*ahyahu*] dan mengangkatnya [*rafa’ahu*].” Ketiga: al-Rabi ibn Anas berkata, “Dia ((s.w.t)) mematikannya [*tawaffahu*] pada saat dia membangkitkannya [*rafa’ahu*] ke syurga.” Allah (s.w.t) telah berkata (Maha Suci) [dalam al-Zumar (39):42], “Allah (s.w.t) mematikan jiwa [*yatawaffa al-anfus*] pada waktu kematian mereka [*mawt*], dan dalam tidur mereka bagi mereka yang belum mati [*lam tamut*].”

3) [Teks tidak mempunyai #3 di sini, tetapi melangkau daripada #2 hingga #4, jadi lapan pilihan dinomborkan 1-9.]

4) Dalam pentafsiran ayat ini, “dan” dalam pernyataan ini “mematikan kamu” dan mengangkat kamu dengan sendiri” ada menunjukkan susunan kronologi. Ayat membuktikan bahawa Allah (s.w.t) merupakan ejen yang melakukan tindakan ini kepada Isa. Tetapi bagaimana cara dilakukan dan bila dilakukan, penilaian perlu ditangguh sehingga adanya bukti. Apakah bukti yang jelas bahawa Isa masih hidup sekarang. Dan laporan [*khobar*] mengenai kekuasaan Nabi (semoga Allah (s.w.t) merahmati dan menyelamatkannya) menyatakan bahawa Isa “akan kembali ke bumi dan membunuh Dajjal. Jadi Allah (s.w.t) (Maha Suci) akan mematikannya [*yawataffahu*] selepas itu.

5) Satu tafsiran, bahawa Abu Bakr al-Wasiti, apakah tujuan “Aku mematikan kamu [*mutawaffika*] pada keinginan dan kepuasan jiwa kamu [*huzuz nafsika*]. Kemudian dia berkata “dan mengangkat kamu kepada diriKu.” Ini kerana sesiapa yang tidak lenyap berhubung dengan semua yang bukan Allah (s.w.t) [*man lam yasir faniyan ‘ammasiwa*

¹⁵ McAuliffe, h. 137.

Allah] tidak akan mendapat tahap [*maqam*] pengetahuan Ketuhanan. Serta, apabila Isa diangkat ke syurga, dia menjadi seperti malaikat, dengan terhentinya kehendak dan amarah dan kelakuan yang tidak boleh disalahkan.

6) *Al-tawaffi* bermakna mengambil sesuatu secara menyeluruh [*wafiyān*]. Oleh kerana Allah (s.w.t) tahu bahawa terdapat sesetengah orang yang akan berfikir bahawa apa yang Allah (s.w.t) membangkitkan ialah hanya roh dan bukan jasad Isa (a.s) telah Dia tambahkan perkataan ini untuk membuktikan bahawa Isa (a.s) diangkat [*bi-tamamihi*] ke syurga, kedua-dua roh dan jasadnya.

7) “Aku mematikan kamu [*mutawaffika*]” iaitu, aku akan membuatkan kamu seperti orang mati [*ka-l-mutawaffi*]. Jika seseorang diangkat ke syurga dan setiap jejaknya dihapuskan dari bumi, dia seperti orang mati. Memanggil sesuatu melalui nama yang menyerupainya dalam hampir semua ciri dan sikap dibenarkan dan baik.

8) *Al-tawaffi* bermakna merampas [*al-qabd*]. Orang ramai biasanya mengatakan “Dia-dan-dia membayar semula kepada saya [*waffani*] wang saya dan membayar saya secara penuh [*awfani*], dan saya berhak mengambilnya [*tawaffaytuha*] daripada dia...”

9) Ayat ini elips, memperkemas perkataan yang tersirat: “Menyebabkan kerja anda ‘mati’ dengan makna menerima kerja anda secara penuh, dan “mengangkat anda kepada diriKu” dengan makna mengangkat kerja anda kepada diriKu... Tujuan ayat ini ialah Allah (s.w.t) memaklumkan Isa bahawa dia menerima kepatuhan dan kerjanya...”

Ini merupakan senarai lengkap bagi kefahaman berbeza di mana ayat ini ditafsirkan oleh mereka yang mengolahnya secara ke luar, dari segi bukti [*a'la zahiriha*].¹⁶

Al-Razi dengan jelas mempertimbangkan semua di atas sebagai pilihan yang sah untuk pentafsiran dalam masyarakat Islam. Antaranya adalah beberapa pilihan yang telah kita lihat sebelum ini, seperti:

- 1) kematian sebenar, harfiah dan kebangkitan (#2 di atas), dan
- 2) *wafat = qabd* (#8 di atas).

Juga terdapat beberapa pilihan menarik yang belum kita lihat, termasuk:

- 1) menamatkan jangka hayat anda (#1 di atas),
- 2) agnotisisma kepada bila dan bagaimana ‘mati’ dan mengangkat berlaku (#4 di atas),
- 3) mengambil badan jiwa secara keseluruhan (#6 di atas), dan
- 4) pentafsiran Sufi bagi *al-Wasiti* ialah, tujuannya ialah kematian pada diri dan pada kehendak nafsu (#5 di atas).

Selepas menyemak pilihan ini untuk pentafsiran menurut “kefahaman ke luar”, *al-Razi* kembali seperti yang dijanjikan kepada teori yang mana kronologinya telah diubah suai [*taqdim wa-ta'khir*]. Beliau mengiktiraf perkataan “dan” [*wa*, bukan *fa*] tidak semestinya menyatakan susunan mengikut kronologi. Tetapi beliau mempersoalkan keperluan mengenakan transposisi kronologi apabila teks boleh difahami dengan mudah secara terus menurut sifat semula jadinya, kefahaman ke luar [*al-zahir*]. Beliau menyimpulkan:

¹⁶ Muhammad Fakh al-Din ibn al-'Allama Diya al-Din 'Umar Al-Razi, *Tafsir al-Fakhr al-Razi, al-Mushtahir bi-l-Tafsir al-Kabir wa-Mafatih al-Ghaib*, Khalil Muhyi al-Din al-Mais (ed.) (Beirut: Dar -l-Fikr, 1990), loc. cit.

Banyak pentafsiran yang mungkin yang telah kita bentangkan menjadikannya tidak perlu untuk berpisah daripada kefahaman ke luar. Tetapi Allah (s.w.t) tahu apa yang terbaik!¹⁷

Al-Razi juga memberikan ruang yang boleh dipertimbangkan kepada teori penggantian berhubung dengan kedua-dua Al Imran (3):55 dan Nisa (4): 157. Beliau merasakan sejenis penggantian merupakan cara paling semula jadi untuk memahami Nisa (4):157¹⁸ (Mereka tidak membunuhnya, dan mereka tidak menyalibnya, tetapi dibuat agar nampak sedemikian kepada mereka [*shubbiha lahum*].” Tetapi beliau fikirkan bahawa teori penggantian perlu menjawab beberapa tentangan tatabahasa dan teologi yang serius.

Dalam ulasannya mengenai al-Nisa (4):157 Al-Razi membentangkan tentangan tatabahasa seperti berikut:

Apakah subjek tatabahasa bagi kata kerja *shubbiha*? Jika anda mengatakan bahawa subjeknya ialah Al-Masih, [ini tidak akan berfungsi kerana] dia tidak sepatutnya dijadikan menyerupai orang lain: dia merupakan orang yang patut diserupai oleh orang lain! [*huwa al-mushabbah bi-hiwa-laysa bi-mushabbah*] Dan jika anda mengatakan bahawa subjeknya merupakan orang yang telah dibunuh, [ini tidak akan berfungsi] kerana tidak disebut [di dalam teks] mengenai orang yang telah dibunuh [jadi dia tidak boleh bertindak sebagai praketerangan tatabahasa kepada kata kerja *shubbiha*].

Terdapat dua jawapan yang mungkin:

1) Rujukan kata kerja ialah kata depan dan objek bagi kata depan [*al-jarr wa-l-majrur*, cth. istilah “*lahum*”]. Ini seperti ayat umum “*khuyyila ilayhi*” (“dia membayangkan”, atau “muncul dihadapannya”). Jadi seolah-olah ulasan al-Razi mengenai Nisa (4):157, seperti yang akan dilihat di teks berkata “[Mereka tidak membunuhnya dan mereka tidak menyalibnya,] tetapi mereka terkeliru.”

2) Subjek kata kerja ialah kata ganti nama yang [tidak dinyatakan] yang merujuk kepada orang yang telah dibunuh, kerana Allah (s.w.t) berkata “mereka tidak membunuhnya” menunjukkan bahawa pembunuhan berlaku kepada orang lain dan orang tersebut yang”disebutkan” dalam hal ini. Jadi sah untuk menjadikan dia subjek bagi *shubbiha*¹⁹.

Bagus untuk melihat menerusi jawapan #2 di atas andaian bahawa penggantian berlaku, jawapan #1 tidak. Jawapan #1 melihat *shubbiha* sebagai makna pasif peribadi: “ia dijadikan begitu kepada mereka” atau “ia kabur/diragui oleh mereka”.

Meneruskan ulasan beliau mengenai al-Nisa (4):157 Al-Razi membentangkan tentangan teologi utamanya kepada teori penggantian dan cuba menjawabnya.²⁰

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Dalam ulasannya mengenai Al-Imran (3):55, beliau menyatakan, “Teks Qu’ran menunjukkan [*yadullu ‘ala*] iaitu apabila Allah (s.w.t) mengangkat Isa, dia menukar rupanya kepada orang lain.” Tetapi dalam bawah, dia kurang pasti bahawa ini merupakan cara terbaik mentafsir ayat tersebut

¹⁹ Al-Razi, loc. cit

²⁰ Beliau menyenaraikan bantahan dan percubaan untuk menjawab dalam ulasan beliau mengenai Al-Imran (3): 55.

Jika dibenarkan untuk dikatakan bahawa Allah (s.w.t) menjadikan rupa seseorang kepada orang lain, ini akan membuka pintu kepada penghujahan yang licik. Kerana jika saya melihat Zayd, mungkin dia bukan Zayd, tetapi rupa seperti Zayd telah dikenakan pada orang ini! Dalam hal tersebut, perkahwinan, penceraian atau harta benda tidak boleh terus wujud dan tidak boleh dipercayai. Hal ini juga mempersoalkan idea penyampaian fakta sejarah [*al-tawatur*] kerana laporan yang disampaikan melalui sejarah boleh menyumbang kepada pengetahuan tetapi atas satu syarat iaitu sumber utamanya mestilah sesuatu yang jelas kefahamannya [*mahsus*]. Jika kita membenarkan kekeliruan seperti ini berlaku kepada perkara yang telah jelas kefahamannya, maka ia boleh menggugat penyampaian sejarah dan ia akan mempersoalkan semua undang-undang [*shara'i*]. Seseorang tidak boleh menjawab tentangan ini bahawa perkara tersebut berlaku pada zaman para nabi (selawat dan salam ke atas mereka); kerana pada kami jika apa yang anda katakan itu benar, hal itu hanya boleh diketahui melalui bukti. Sesiapa yang tidak mengetahui bukti tidak boleh menganggap apa sahaja sebagai sesuatu yang pasti pada dasar sesuatu perkara itu jelas kefahamannya, dia juga tidak boleh bergantung kepada sebarang laporan yang disampaikan sejarah. Tambahan lagi, walaupun semasa zaman keajaiban para nabi [*mu'jizat*] disekat, cara *karamat* [tanda keajaiban dari Allah (s.w.t)] masih terbuka. Jadi yang disebutkan di atas masih ada pada semua zaman. Kesimpulannya: membuka pintu ini akan menjejaskan penyampaian fakta sejarah. Hal itu akan menjejaskan kenabian. Jadi cabang ini akan menjejaskan asasnya. Ini mesti ditolak.

Jawapan. Di kalangan ahli falsafah [*madhahib al-'ulama*] mempunyai perbezaan pendapat mengenai keadaan ini. Mereka telah menyatakan beberapa tafsiran berbeza:

[Di sini al-Razi menyenaraikan lima versi teori penggantian yang diketahuinya:

- 1) Orang Yahudi menyalib secara sengaja orang lain dan menipu mengenainya,
- 2) Lelaki bernama Titayus telah dihantar oleh Judas, ketua orang Yahudi, untuk membunuh Isa, tetapi Allah (s.w.t) menjadikan Titayus kelihatan seperti Isa dan Titayus yang disalib,
- 3) Lelaki yang diperintahkan menjaga Isa dijadikan kelihatan seperti Isa dan disalib menggantikan Isa,
- 4) Isa meminta seorang daripada dua belas pengikutnya untuk menawarkan diri, dan seorang lelaki menawarkan diri dan dijadikan rupanya menyerupai Isa dan telah disalib,
- 5) Pengikut yang hipokrit yang mencadangkan untuk mengkhianati Isa telah dijadikan menyerupai Isa dan dia telah disalib.

Al-Razi merumuskan pandangan beliau dalam perkataan berikut mengenai jawapan kepada bantahan ini:]

Tafsiran ini bercanggah dan tidak serasi antara satu sama lain. Allah (s.w.t) tahu apa yang terbaik, fakta mengenai perkara ini!²¹

Antara semua pengulas yang dipertimbangkan dalam kertas kerja ini, Fakhr al-Din al-Razi setakat ini mempunyai analisis paling terperinci, tepat dan menarik mengenai kepercayaan orang Kristian di timur tentang kematian dan kebangkitan Al-Masih. Kedua-dua analisis beliau mengenai kepercayaan orang Kristian dan pandangan beliau sendiri mengenai kepercayaan tersebut berbaloi dipetik. Dalam perbincangan beliau mengenai al-Nisa (4):157, berikutan perbincangan di atas, beliau membincangkan pernyataan dalam ayat ini iaitu "mereka yang"

²¹ Al-Razi, loc. cit.

berbeza pendapat mengenainya [cth. penyaliban] berasa ragu mengenainya.” Beliau mempertimbangkan sama ada ini merujuk kepada orang Yahudi atau orang Kristian dan beliau menyatakan berikut mengenai orang Kristian:

Semua keluarga orang Kristian bersetuju bahawa orang Yahudi yang membunuhnya, tetapi kumpulan terbesar Kristian ada tiga: Nestorian, Melkites²² dan Jacobite.²³ Berkenaan Nestorian, mereka mendakwa Al-Masih telah disalib berkaitan dengan kemanusiannya, bukan berkaitan ketuhanan.

Pandangan kebanyakan ahli falsafah [*hukama'*] dekat dengan pernyataan ini. Mereka menyatakan: Oleh kerana sudah termaktub bahawa manusia tidak sama dengan kuil ini [cth. jasad fizikal], tetapi bahan yang lebih mulia [*jisim*] yang dicurah ke dalam jasad ini [*badan*] atau bahan spiritual/ketuhanan [*jawhar ruhani*] telanjang dalam asasnya [*dhat*] dan melakukan urusannya dalam jasad ini [*badan*]. Oleh itu pembunuhan berlaku pada kuil ini. Untuk jiwa pula – dalam realitinya Isa – pembunuhan tidak berlaku padanya.

Kita tidak boleh berkata, “Setiap manusia seperti ini, jadi apa bezanya?” Kita mengatakan bahawa roh Isa itu suci, tinggi, syurgawi, bercahaya [*ishraq*] dengan cahaya ketuhanan [*al-anwar al-ilahiyya*], hebat yang berkait rapat dengan roh para malaikat. Apabila rohnya sebegitu, siksa kematian dan pemusnahan jasad [*badan*] tidaklah ketara. Apabila ia telah dipisahkan daripada naungan jasad, ia akan pergi ke syurga dan cahaya dunia kegemilangan. Kegembiraan dan kebahagiaannya di sana lebih hebat. Diketahui bahawa keadaan ini tidak berlaku kepada semua orang. Daripada permulaan penciptaan Adam sehingga berlakunya Hari Kebangkitan, hal ini tidak berlaku melainkan kepada beberapa individu. Ini merupakan kepentingan membezakan Isa dalam cara ini.

Berkaitan dengan Melkites: pembunuhan dan penyaliban berlaku kepada [*wasalaila*] ketuhanan dari segi perasaan, bukan pengalaman secara langsung [*bi-l-mubashara*].

Jacobite pula mengatakan: pembunuhan dan penyaliban berlaku kepada Al-Masih, bahan hasil daripada dua bahan [*jawhar mutawallid min jawharayn*].

Ini merupakan penjelasan bagi ajaran orang Kristian mengenai subjek ini.²⁴

Dalam risalah tahun 1980, Mahmoud Ayoub mencadangkan bahawa ulasan al-Razi di sini merupakan contoh yang amat baik mengenai apa yang beliau gelar sebagai “semangat Qu’ran bagi perdamaian dan carian makna menjangkaui fakta sejarah.”²⁵ Beliau menambah:

Pernyataan [Al-Razi] menelusuri jauh bagi memenuhi cabaran Al-Quran terhadap Isa Al-Masih. Ia juga menyediakan titik permulaan yang baik bagi pemahaman orang Islam-Kristian.²⁶

²² Iaitu, mereka yang menjunjung doktrin gereja Byzantine yang rasmi.

²³ Penulis Islam dari zaman ini menggunakan istilah “Jacobite” sebagai istilah rangkum semua untuk menggambarkan semua gereja “Monophysite” bukan sahaja gereja Syria yang merupakan ajaran taat kepada Jacob Baraddeus.

²⁴ Al-Razi, loc. cit.

²⁵ Mahmoud Ayoub, “Towards an Islamic Christology, II: The Death of Jesus, Reality or Delusion (A Study of the Death of Jesus in Tafsir Literature),” dalam *The Muslim World*, jld. LXX, No. 2 (Hartford: The Hartford Seminary Foundation, April, 1980), h. 105.

²⁶ Ibid.

Kebetulan, cadangan al-Razi bahawa Isa mempunyai dua sifat - spiritual/syurga [*ruhani*] dan jasad/bumi [*badani*] bukan sahaja pembaharuan Yunani yang datang dengan terlambat, tanpa dasar asli dalam Islam. Bibit idea ini boleh ditemui dalam Ibn Ishaq - penulis biografi terawal bagi Muhammad, yang dirujuk oleh al-Razi sebelum ini. Ibn Ishaq menulis bahawa selepas Isa mengarahkan pengikutnya untuk menyampaikan suruhan Allah (s.w.t) kepada seluruh dunia,

Allah (s.w.t) mengangkatnya dan kepada diri-Nya memakaikannya dengan bulu dan cahaya dan mematikan kehendaknya kepada makanan dan minuman, supaya dia dapat terbang seiring dengan para malaikat dan bersama mereka di sekeliling takhta. Dia merupakan manusia dan malaikat, syurga dan bumi.²⁷

Al-Qurtubi

Abu 'Abd Allah al-Qurtubi (meninggal 671/1272) merupakan penulis bagi salah satu ulasan Al-Quran yang disanjung dalam tradisi *tafsir bi-l-ma'thur*.²⁸ Al-Qurtubi melaporkan kebanyakan tradisi yang sama yang diketahui oleh al-Tabari dan juga beberapa yang tidak diketahui oleh pelopornya. Tidak seperti al-Tabari, al-Qurtubi menyediakan beberapa isnad yang lengkap, menumpukan kepada kandungan [*matn*] tradisi. Tambahan lagi, walaupun bantahannya terhadap *tafsir bi-l-ra'y*,²⁹ kita akan lihat di bawah bahawa beliau tidak teragak-agak untuk mempertikaikan satu tafsiran terhadap tafsiran lain atas dasar munasabah, bukannya kewajaran isnad sahaja.

Al-Qurtubi tahu mengenai tradisi menyokong beberapa teori pentafsiran berbeza. termasuk yang berikut:

- 1) susunan tanpa kronologi [taqdim wa-ta'khir]
- 2) merampas [qabd] daripada bumi ke syurga,
- 3) kematian dan kebangkitan harfiah,
- 4) tidur
- 5) penggantian.

Beliau tidak menyukai teori bahawa Isa telah mati dan bangkit semula kerana beliau merasakan ia mewakili kesukaran logic tertentu untuk tradisi mengenai kembalinya Isa di akhir zaman untuk membunuh Dajjal. Namun, al-Qurtubi rasakan perlu untuk melaporkannya sebagai salah satu pilihan yang disokong oleh sesetengah orang Islam pada dasar hadith.

Oleh itu, ulasan mengenai Al-Imran (3):55, Al-Qurtubi menyenaraikan teori berikut sebagai yang mempunyai sokongan dalam tradisi:

²⁷ Gordon Darnell Newby (ed.), *The Making of the Last Prophet: A Reconstruction of the Earliest Biography of Muhammad* (Columbia: University of South Carolina Press, 1989), h. 210.

²⁸ Beliau menolak idea tafsir bi-l-ra'y. Cf. Roger Arnaldez, "Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah," dalam *The Encyclopedia of Islam*, edisi ke-2. Leiden (E.J. Brill, 1960-), h. 513.

²⁹ Ibid.

1) Satu kumpulan pentafsir [*ahl al-ma'ani*] (termasuk al-Dahhak dan al-Farra) telah berbicara mengenai ayat-Nya (s.w.t) “Aku mematikan kamu [*mutawaffika*] dan membangkitkan kamu kepada aku,” dari segi kronologi [*taqdim wa-ta-khir*] kerana perkataan “dan” tidak harus menunjukkan susunan kronologi [*rutba*]. Jadi maknanya ialah: Aku mengangkat kamu kepada aku dan membersihkan kamu daripada mereka yang tidak percaya dan aku akan mematikan kamu [*mutawaffika*] selepas kamu turun dari syurga...

2) Al-Hasan dan Ibn Jurayj berkata bahawa makna bagi “Aku mematikan kamu [*mutawaffika*] ialah: Aku merampas kamu [*qabiduka*] dan mengangkat kamu ke syurga tanpa kematian, seperti pernyataan “Saya berhak mengambil bahagian penuh [*tawaffaytu*] duit saya daripada sekian dan sekian,” cth. Saya telah merampasnya.

3) Wahb ibn Munabbih berkata, “Allah (s.w.t) telah menyebabkan Isa (a.s) untuk mati [*tawaffa*] selama tiga jam dalam sehari, kemudian mengangkatnya ke syurga. Terdapat sedikit kesukaran [*bu'd*] mengenai hal ini, kerana terdapat laporan yang wajar [*akhbar*] daripada Nabi (semoga Allah (s.w.t) merahmati dan menyelamatkannya) mengenai kembalinya Isa untuk membunuh Dajjal. Lihat apa yang telah kami tunjukkan dalam buku kami *Al-Tadhkira* dan dalam bahan sebelum serta selepas dalam buku ini.

4) Ibn Zayd berkata, “Menyebabkan kamu ‘mati’ [*mutawaffika*] bermaksud merampas kamu [*qabiduka*]: ‘menyebabkan kamu ‘mati’ [*mutawaffika*]’ dan ‘mengangkat kamu’ adalah sama. Dia masih belum mati.

5) Ibn Talha menceritakan semula daripada Ibn Abbas: “Maksud ‘menyebabkan kamu ‘mati’ [*mutawaffika*]’ ialah menyebabkan kematian harfiah kamu [*mumituka*].

6) Al-Rabi ibn Anas: “Ia merupakan ‘kematian’ [*wafat*] bagi tidur.” Allah (s.w.t) berkata, “Dialah yang menyebabkan kamu mati [*tawaffa*] pada waktu malam,” iaitu, menyebabkan kamu tidur kerana tidur juga merupakan cabang kematian. Nabi berkata, apabila dia ditanyakan sama ada tidur wujud dalam syurga: “Tidak: tidur merupakan satu lagi cabang kematian dan tiada kematian dalam syurga.” Ini telah diriwayatkan oleh al-Daraqutni.

